

08/08/1999

Awasi sengatan 'black widow' Pas

BEBERAPA minggu lalu Kiau ucap tahniah kepada parti-parti pembangkang kerana dengan cepat bersetuju mengenai pembahagian kerusi parlimen dalam pilihan raya akan datang.

Mereka dilaporkan sepakat membahagikan kerusi sama rata antara DAP, Pas dan Parti Keadilan Nasional. Yang tercicir hanyalah PSRM yang dikatakan akan mendapat peruntukan kerusi daripada DAP.

Tetapi nampaknya belum apa-apa lagi, pakatan pembangkang itu mula retak. Khabarnya masing-masing mahu kerusi yang lebih banyak untuk bertanding.

Kiau ada beberapa cadangan bagi mengatasi masalah ini. Pertama, Kiau syorkan supaya mereka berpakatlah betul-betul kalau betul-betul hendak menjadi pengganti atau alternatif kepada Barisan Nasional.

Kalau belum bertanding pun sudah berebut kerusi, macam mana apabila sudah menang nanti. Kalau sekarang bergaduh rebut kerusi, apabila menang nanti tentulah bergaduh berebut jawatan pula.

Maklumlah jawatan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, menteri, timbalan menteri dan setiausaha parlimen bukan calang-calang jawatan.

Kedua, Kiau cadangkan mereka tidak berpakat langsung. Lawanlah satu sama lain. Kalau ditakdirkan menang, tetapi tak cukup bilangan untuk tubuh kerajaan barulah berpakat.

Ketiga, Kiau cadangkan kalau hendak sangat kerusi, pergilah ke ekspo perabot dan belilah sebanyak mana kerusi yang mampu. Syaratnya belilah kerusi buatan tempatan.

Satu lagi permintaan Kiau. Janganlah permainan rakyat dengan bermacam janji, pakatan dan strategi kalau yang sebenarnya menjadi hasrat ialah kepentingan diri.

Kiau sudah tengok pilihan raya umum sejak 1969. Janji pembangkang tidak pernah berubah. Semuanya sedap didengar, tapi apabila kita minta apa yang sebenarnya akan mereka lakukan, mereka cakap hal-hal umum saja.

Mereka cakap fasal negara Islam, hukum hudud, Malaysian-Malaysia dan masyarakat adil. Tetapi apabila kita tanya, apa bentuknya negara Islam, hukum hudud, Malaysian-Malaysia dan negara adil itu, mereka bagi jawapan yang mereka sendiri tidak faham.

Cakap di kedai kopi dan ceramah politik memanglah senang. Jadi profesor dan pakar motivasi belum tentu boleh jadi perancang ekonomi dan kewangan.

Yang sudah terbukti pun tidak lebih daripada cakap kosong. Lain cakap lain yang dibuat.

Sang profesor yang hendak bawa negeri Perlis keluar dari Malaysia berkata Datuk Seri Shahidan Kassim terlalu kecil baginya manakala Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pula terlalu besar.

Yang Kiau faham, bukan Shahidan kecil atau Dr Mahathir besar bagi sang profesor. Yang sang profesor mahu bukanlah mencabar Shahidan atau Dr Mahathir.

Yang dia mahu sebenarnya ialah bertanding di kawasan di mana harapan dia menang adalah cerah. Apatah lagi sekarang orang bagi tahu kalau sang profesor bertanding di Perlis harapan Pas menang cerah. Jadi sang profesor pun naik seronok.

Kiau faham sangat putar belit orang begini. Sebab itulah mereka berjaya meyakinkan khalayak mengenai 'kepakaran' mereka di dalam bermacam-macam bidang.

Khabarnya sang profesor minta wartawan cari kerja lain. Tapi sekurang-kurangnya si wartawan tidaklah mendakwa diri mereka pakar dalam semua